

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT :

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْنَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ⑧ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ
 (ii) (i)
 يُحَافِظُونَ ⑨ أُولَئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ⑩ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ
 (Surah al-Mukminun : 8-11) ⑪ فِيهَا خَلِيلُونَ

Ayat di atas menerangkan tentang ciri-ciri mukmin berjaya.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud perkataan bergaris. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua ciri mukmin berjaya beserta contoh. [4 markah]

"Sesungguhnya solat mencegah perbuatan keji dan mungkar"

(Surah Al-Ankabut : 45)

- (iii) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku terhadap masyarakat Islam sekiranya perintah tersebut diabaikan. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اجْتَنِبُوا السَّبِيعَ
 الْمُوْبِقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ السِّرْكُ بِاللَّهِ وَالسِّخْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَمَ
 اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتَمِ وَالْتَّوْلَى يَوْمَ الرَّزْخِ وَقَذْفُ الْمُخْصَنَاتِ
 (متفق عليه) المؤمنات الغافلات

Hadir di atas menerangkan peringatan tentang dosa-dosa besar.

- (i) Senaraikan **dua** contoh dosa besar selain makan riba dan makan harta anak yatim. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan riba terhadap masyarakat. [2 markah]

“Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.”

(Surah an-Nisaa' ayat 10).

- (iii) Huraikan akibat sekiranya masyarakat Islam tidak peka dengan perintah di atas. [4 markah]


(c) Nyatakan hukum bagi tanda wakaf di bawah : [2 markah]

- (i) وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ
- (ii) كَمَا ءامَنَ السَّفَهَاءُ

- 2 (a) (i) Apakah maksud ajaran sesat ? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua ciri ajaran sesat dalam aspek al-Quran dan hadis. [2 markah]

Ajaran sesat menjejaskan keharmonian negara.

- (iii) Mengapa masih ada golongan yang terlibat dengan ajaran tersebut? [2 markah]
- (iv) Sokong pernyataan di atas dengan mengemukakan hujah anda. [4 markah]
- (b) Antara aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah Khawarij.
- (i) Nyatakan sejarah ringkas aliran Khawarij. [2 markah]
- (ii) Jelaskan prinsip aliran Khawarij yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]
- (iii) Terangkan perbezaan pandangan aliran Khawarij dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam isu pelaku dosa besar. [2 markah]



Sumber : <https://forum.lowyat.net>

- (iv) Mengapa kita perlu berwaspada dengan kebangkitan aliran di atas. Huraikan. [4 markah]

- 3 (a) (i) Apakah maksud wukuf ? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** larangan ihram khusus untuk lelaki. [2 markah]

Ibadah haji membantu menjana ekonomi umat Islam

- (iii) Sokong pernyataan di atas dengan mengemukakan hujah anda. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud idah. [2 markah]

Perempuan dalam tempoh idah, dilarang menerima pinangan lelaki lain sama ada secara terang atau kiasan

- (ii) Kemukakan pendapat anda, mengapa perkara tersebut wajib dipatuhi. [4 markah]

- (c) Takzir merupakan salah satu daripada hukuman jenayah dalam Islam.

- (i) Nyatakan **dua** contoh hukuman takzir. [2 markah]

KUALA TERENGGANU - Pelaksanaan hukuman sebatan syariah bagi pesalah khalwat berulang di Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Ladang pada Jumaat merupakan permulaan Terengganu mendaulatkan hukum Islam di negeri ini.

Exco Penerangan, Dakwah dan Pemerikasaan Syariah Terengganu, Dr Muhammad Khalil Abdul Hadi berkata, ia juga merupakan sebahagian daripada komitmen kerajaan negeri bagi mendukung hukum Islam di Terengganu dan negara ini.

Sumber : *Sinar Harian*, 28 Disember 2024.

- (ii) Ramalkan impak kepada negara jika hukuman ini dilaksanakan di setiap negeri. [4 markah]
- 4 (a) (i) Senaraikan **dua** pemerintah terkenal kerajaan Umayyah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umayyah dalam aspek agama. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** sumbangan Sultan Muhammad al-Fatih kepada kerajaan Uthmaniyah. [2 markah]
- (b) (i) Nyatakan riwayat hidup Imam Malik. [3 markah]
- Imam Malik berpesan :

“Pelajarilah adab sebelum mempelajari sesuatu ilmu.”
- (ii) Huraikan mengapa pesanan tersebut penting untuk diamalkan. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Salahuddin al-Ayyubi. [3 markah]
- (ii) Jelaskan sumbangan beliau dalam aspek keilmuan. [2 markah]

- 5 (a) (i) Nyatakan adab terhadap orang sakit dalam aspek ibadah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah beradab terhadap orang sakit. [4 markah]

SKOP	REMAJA		
	2012	2017	2022
Faktor Kesihatan mental			
Rasa Sunyi (Kesunyian)	8.1%	9.3%	16.2%
Idea Bunuh Diri	7.9%	10.0%	13.1%
Rancangan Bunuh Diri	6.4%	7.3%	10.0%
Percubaan Bunuh Diri	6.8%	6.9%	9.5%
Kemurungan	17.7%	18.3%	26.9%

Sumber dan ubah suai: *Utusan Malaysia*, 24 April 2024

- (iii) Analisakan pernyataan di atas dengan mencadangkan cara mengatasinya. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud ujub. *merasa bangga atas pencapaian sendiri* [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** contoh sifat ujub. [4 markah]

“Tiga perkara yang membinasakan : orang yang kedekut ditaati, hawa nafsu yang diikuti dan seseorang itu merasa kagum pada dirinya.

(Hadis Riwayat al-Baihaqi).

- (iii) Huraikan akibat sekiranya umat Islam tidak peka dengan pernyataan di atas. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT